

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 13 JULAI 2020

JAWAPAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Malaysia terhadap cadangan '*two-state solution*' serta plan '*Deal of the Century*' yang dianggap sebagai jalan pintas Israel dan Amerika Syarikat menormalisasi untuk merampas tanah Palestin keseluruhannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sik di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Pertanyaan mengenai pendirian Malaysia terhadap isu Palestin merupakan antara pertanyaan yang sering dibangkitkan dan dibawa ke dalam sidang-sidang Dewan Rakyat sebelum ini. Ternyata, ia merupakan satu isu yang begitu dekat dengan hati rakyat Malaysia.

3. Izinkan saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa pendirian Kerajaan Malaysia mengenai isu-isu yang melibatkan Palestin adalah konsisten dan tidak berganjak sejak dahulu lagi. Kerajaan Malaysia sentiasa memberi sokongan padu kepada Palestin dan perjuangan rakyatnya sama ada dari segi politik, ekonomi, atau moral.

4. Pendirian ini turut dizahirkan menerusi pelbagai platform antarabangsa, terutamanya di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam Antarabangsa (OIC) dan Sidang Kemuncak Negara-Negara Berkecuali (NAM). Malah, semasa Malaysia menjadi ahli tetap Majlis Keselamatan PBB bagi penggal 2015/2016, Malaysia dengan lantangnya mengetengahkan pendiriannya menyokong aspirasi rakyat Palestin untuk mewujudkan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat.

5. Malaysia amat memahami cabaran getir yang sedang dialami oleh rakyat Palestin akibat daripada pendudukan haram Israel dan senantiasa menitikberatkan mengenai keperluan untuk mencari suatu jalan penyelesaian yang menyeluruh dan adil bagi menamatkan penindasan terhadap rakyat Palestin.

6. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pejabat Perdana Menteri pada 30 Januari 2020 telah mengeluarkan kenyataan mengutuk dan menolak keras cadangan Pelan Damai Amerika Syarikat yang digelar "*Deal of the Century*" itu serta menyifatkannya amat tidak adil dan berat sebelah kerana tidak melibatkan Palestin dalam sebarang perbincangan.

7. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri pada 10 Jun 2020, telah mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Tergempar Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) *Open-Ended Virtual Extraordinary Meeting* Peringkat Menteri-Menteri Luar Negeri yang diadakan secara atas talian (*virtual*) bagi membincangkan rancangan Israel untuk mengilhak sebahagian wilayah Tebing Barat.

8. Selanjutnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa perbualan telefon dengan Presiden Palestin Mahmoud Abbas pada 6 April 2020, telah menyuarakan sokongan Malaysia terhadap isu Palestin.

9. Malaysia melihat cadangan Pelan Damai tersebut sebagai penindasan terhadap rakyat Palestin. Malaysia terus berpegang kepada pendirian bahawa Penyelesaian Dua Negara (*Two-States solution*) berdasarkan garis sempadan 1967 dengan Baitulmaqdis sebagai ibu kota

SOALAN NO : 35

Palestin, adalah satu-satunya jalan penyelesaian terhadap konflik Palestin dan Israel.

10. Justeru, Malaysia tidak akan berganjak dari keputusan untuk menyokong sebarang usaha jujur dan konkrit untuk mencari jalan penyelesaian yang adil dan berkekalan bagi konflik Israel-Palestin ini, berdasarkan peruntukan undang-undang antarabangsa dan resolusi-resolusi PBB yang berkaitan melalui rundingan yang melibatkan pihak-pihak berkepentingan.

11. Malaysia juga tidak akan berdiam diri terhadap sikap hipokrit negara-negara yang secara jelas berat sebelah dan menyokong perlakuan jenayah berterusan yang dilakukan oleh Israel ke atas Palestin.

Sekian, terima kasih.